

# Komitded tingkat kualiti UMS

► Naib Canselor mahu pastikan ia jadi antara universiti terbaik dunia

UB 20.8.2019 A2

**KOTA KINABALU:** Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS) Prof Dr Taufiq Yap Yun Hin komited untuk meningkatkan lagi kualiti universiti itu termasuk dalam aspek pengajaran dan pembelajaran, fasiliti dan infrastruktur serta kebolehpasaran pelajarnya bagi memastikan UMS berada dalam kedudukan sebagai antara universiti terbaik dunia.

Beliau berkata pencapaian bersejarah UMS yang buat pertama kalinya tersenarai dalam Quacquarelli Symonds (QS) World University Rankings 2020 sebagai antara 1,000 universiti terbaik dunia adalah satu permulaan sangat baik bagi universiti berkenaan untuk terus memperkuuhkan reputasi

**“Saya berharap kakitangan UMS dapat memberi kerjasama dalam usaha meningkatkan lagi keternampakan universiti sehingga ke peringkat antarabangsa khususnya di Asia Pasifik.”**


**PROF DR TAUFIQ YAP YUN HIN**  
Naib Canselor UMS

di mata dunia.

Menerusi penarafan QS World University Rankings 2020 yang diumumkan pada Jun lepas, UMS disenaraikan pada kedudukan 801.

Taufiq mengucapkan tahniah kepada pemimpin UMS sebelum ini termasuk bekas Naib Canselor Prof Datuk Dr D Kamarudin D Mudin atas pencapaian itu, dan selaku pemimpin baharu universiti, beliau akan melakukan yang terbaik bagi meningkatkan lagi keternampakan (visibility) dan kedudukan UMS di peringkat antarabangsa.

“Saya berharap kakitangan UMS dapat memberi kerjasama dalam usaha meningkatkan lagi keternampakan universiti sehingga ke peringkat antarabangsa khususnya



**KENANGAN:** Taufiq (tiga dari kiri) dan rombongan merakam kenangan bersama Juhar (tengah).

di Asia Pasifik,” katanya kepada pemberita selepas mengadakan kunjungan hormat kepada Yang Dipertua Negeri Sabah Tun Juhar Mahiruddin di Istana Negeri di sini pada Isnin.

Ini merupakan kunjungan hormat yang pertama Taufiq kepada Tun Juhar selaku Canselor UMS selepas dilantik

sebagai Naib Canselor UMS pada 30 Julai lepas.

Taufiq berkata pihaknya akan melakukan beberapa perkara kearah meningkatkan lagi kualiti UMS termasuk melihat semula kurikulum sedia ada serta hubungan UMS dengan industri sama ada di dalam maupun di luar Sabah bagi memberi peluang

kepada pelajar menjalani latihan dan pengalaman industri kagius memastikan kebolehpasaran graduan.

Mengenai kunjungan hormat itu, Taufiq berkata, Tun Juhar memberi sokongan sangat baik kepada pimpinan universiti selain turut berharap UMS akan lebih membangun

dan maju khususnya dalam membantu meningkatkan lagi sosioekonomi di Sabah.

“Saya akan menjalankan tugas dengan sebaiknya dan membantu meningkatkan sosioekonomi Sabah selain memastikan lebih ramai penduduk di negeri ini dapat menimba ilmu,” katanya. — Bernama